



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

memperserembahkan

**MUZIKA TARI**

# Antara Selat ke Benua

oleh

**Kumpulan Kesenian  
ISTANA BUDAYA**

pengarah tari

**MAHMOOD HAJI IBRAHIM**

# “Antara Selat ke Benua”

Penasihat  
**DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID**

Penerbit  
**NORLIZA ROFLI**

Pengurus Produksi  
**MOHAMAD JUHARI SHAARANI**

Pengarah Tari  
**MAHMOOD HAJI IBRAHIM**

9, 10, 11 Ogos 2000 8.30 malam  
12 Ogos 2000 3.00 petang & 8.30 malam

Panggung Sari, Istana Budaya, Kuala Lumpur.

Tiket **RM50.00, RM30.00, RM20.00 & RM10.00**

Maklumat lanjut **Box-Office, Istana Budaya**  
Tel **03-4025 5932 dan 4025 5934**

## Selarik Kata

*Gemilang Budaya*, segemilang catat sejarah kelahiran Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan seni dan budayanya. Akar umbi yang menunjangi hidup bangsa begitu indah jika diijelmakan kepada sebuah persembahan seni. ANTARA SELAT KE BENUA adalah jelmaannya, yang diilhamkan daripada sejarah kegemilangan dunia Melayu dan menggamit rakan dari tanah benua untuk sama membina kegemilangan bangsa.



Semoga *Selat* yang diselusuri dan *benua* yang diterokai menemukan kita dengan identiti bangsa. Pementasan ini perlu dicatatkan sebagai sebuah pementasan tari yang pertama dipentaskan di Istana Budaya sempena Alaf Baru atas semangat dan kesungguhan secara bersama.

Teruskan usaha murni ini dan perkemaskan tari seindah irama dan rentaknya.

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized, overlapping loops and lines.

**DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABD. MAJID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

## Serangkai Bicara

*Kumpulan* Kesenian Istana Budaya merupakan sebuah kumpulan kesenian yang mantap dan mampu menjadi teraju kepada perkembangan seni tanah air. Kumpulan ini sering kali mempersembahkan tarian-tarian yang bersusur-galurkan kepada akar tradisi kita.

Di dalam arus kemodenan yang dinikmati sekarang, seharusnya kita merenung dan berusaha menggali semula akar tradisi kita sebelum ia pupus ditelan zaman. Usaha kita ini tidak akan berhenti setakat ini, malah ia harus diteruskan untuk masa hadapan supaya ia mampan dan menjadi wadah yang teguh untuk pencipta-pencipta seni yang akan datang meneruskannya.

Persembahan Muzika Tari ANTARA SELAT KE BENUA adalah satu tafsiran pengamatan pencinta seni terhadap akar tradisi budaya di negara ini dan dipersembahkan dalam bentuk tarian kontemporari. Persembahan ini menuntut pengertian kita semua untuk mencari jawapan kepada persoalan 'Identiti Malaysia'.

Bersamalah memartabatkan seni.

**NORLIZA ROFLI**

Pengarah  
Istana Budaya  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



## Mahmood Haji Ibrahim

PENGARAH TARI

*Mula* menceburi bidang seni di negeri kelahirannya, Johor Darul Takzim. Bakatnya terserlah apabila mendapat gelaran Koreografer Terbaik Kebangsaan pada tahun 1976. Berdasarkan pengalaman yang luas itu, beliau ditawarkan menjadi Artis Budaya/Koreografer di Kompleks Budaya Negara. Tanpa menoleh ke belakang lagi, beliau terus melangkah maju ke hadapan. Menyedari hakikat dirinya yang mahu menjadi seorang artis budaya/koreografer yang berilmu, beliau telah melanjutkan pengajiannya di Universiti Sains Malaysia. Seterusnya, beliau ke Indonesia untuk meneruskan pengajiannya di bidang Pengajian Tari Melayu.

Bermula dengan penguasaan tarian Kuda Kepang sahaja, sehingga kini, beliau mampu dan telah menghasilkan pelbagai koreografi sama ada yang berbentuk *arts form* ataupun untuk mengisi promosi-promosi pelancongan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kini, beliau boleh berbangga dengan hasil koreografinya seperti SENDATARI RAMA, TITIAN, ASEAN DANCE FESTIVAL I, II dan III, KESUCIAN, WHEN RIVERS MEET dan persembahan untuk Pembukaan Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Bukit Jalil.

## Mew Phang Tsing

KOREOGRAFER  
RIVERGRASS DANCE THEATRE COMPANY

*Merupakan* Pengarah Artistik dan pengasas RiverGrass Dance Theatre Company. Beliau memiliki segulung ijazah dengan kepujian di bidang Seni Persembahan dari Hong Kong Academy pada tahun 1990. Pada tahun 1995, beliau telah berjaya menyelesaikan pengajian ijazah sarjananya di bidang Pengajian Tari di University of Surrey, United Kingdom. Beliau mempunyai kemahiran di dalam ballet, kontemporari, Cina, Melayu, Bali dan tarian rakyat Asia Tenggara.

Keindahan di dalam persembahan-persembahan tarian yang dikoreografikannya terserlah dengan gabungan ilmu dan unsur tradisional dan kontemporari. Gabungan kedua-dua elemen ini telah menaikkan namanya sebagai koreografer dan penari di peringkat antarabangsa sekembalinya dari Seattle. Ini dibuktikan melalui koreografi yang bertajuk TRACES, yang diterbitkan oleh Northwest Asian American Theater. Produksi ini telah diusahakan bersama John D Pai. Persembahan itu mendapat ulasan yang memberangsangkan oleh Seattle Times dan disifatkan sebagai *especially remarkable and strongly felt*.

# Shimathi Vatsala Sivadas

PENGARAH ARTISTIK  
TEMPLE OF FINE ARTS MALAYSIA

*Merupakan* salah seorang guru tari yang paling lama di Temple Of Fine Arts Malaysia. Beliau amat disenangi dan disayangi oleh para pelajarnya. Merupakan anak kepada mendiang G.R. Kurup iaitu seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia. Pada tahun 1953, beliau mendapat didikan khusus dalam tarian klasik dibawah bimbingan mendiang V.K.Sivadas. Melanjutkan pengajian di bidang Bharata Natyam dibawah Kuttalam Ganesha Pillai di India dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam tarian Bharata Natyam dan *oriental dance*. Turut mendapat latihan vokal daripada mendiang Krishna Bagavathar dan S.C. Nagasami Bagavathar.

Pada tahun 1957, beliau berkahwin dengan V. K. Sivadas dan menubuhkan kumpulan tarian Sivadas Vatsala Dance Troupe dan telah mengadakan persembahan di serata tanah air. Beliau berpengalaman mengadakan persembahan tari di hadapan tetamu kehormat dunia seperti Presiden Amerika Syarikat Lyndon Johnson, Perdana Menteri India Indira Gandhi, Shah Iran dan sebagainya.

Pada tahun 1981, beliau menjadi Pengarah Artistik dan juga sebagai Koreografer Utama. Beliau telah melahirkan idea kreatifnya melalui pelbagai persembahan. Antaranya, SWAN LAKE, LADY WHITE SNAKE, LEGEND OF MAHSURI, RAMAYANA, SHAKUNTALA dan lain-lain. Selain itu, turut terlibat dalam iklan televisyen seperti Dunhill, Petronas, EON dan Globe Silk Store.



## “Antara Selat ke Benua”

### Abstrak

**ANTARA SELAT KE BENUA** menampilkan pelbagai aspek gerak dan rentak budaya yang hidup di bumi Malaysia. Akar budaya ini menjadi dasar dalam proses penciptaan tarian dan dijelmakannya di dalam bentuk yang kontemporari, namun masih mengekalkan ciri-ciri keindahan seperti lemah-gemalai dan liuk-lintuk tarian tradisional.

Tiada kelat kelapa tua  
Redup di ubun mamahlah sebati  
Antara Selat ke Benua  
Hidup serumpun menganyam pekerti

### Sinopsis

#### PEMBUKAAN

**MALAYSIA** adalah tanah air yang kaya dengan warisan budayanya. Warisan tersebut amat kuat dipengaruhi oleh kebudayaan Melayu, Cina dan India. Di dalam persembahan pembukaan akan ditonjolkan rangkaian simbol pelbagai kaum bagi menggambarkan kemeriahan dan kegembiraan sambutan yang penuh warna-warni sebagai tanda meraikan para tetamu. Antara simbol yang dipaparkan ialah Bunga Emas, Pohon Beringin, Sirih Junjung, Riben dan Kipas.

#### KEAGUNGAN WARISAN

**RAJA** adalah lambang kedaulatan, kekuatan, payung kemakmuran dan keadilan rakyat jelata bagi masyarakat Melayu. Lagenda Cik Siti Wan Kembang yang menjadi pemerintah pada zaman silam akan ditarikan melalui tarian Gamelan dan Asyik yang lemah-gemalai.

#### ETNIK

**ALAM FLORA** dan fauna merupakan satu elemen yang penting. Suasana ini banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat etnik di Borneo, iaitu di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan unsur-unsur itu, setiap gerak tari dan muzik masyarakat yang tinggal di Borneo ini dipengaruhi oleh irama alam dan pengerakan-pengerakan fauna seperti burung Kenyalang. Sesuai dengan pengaruh tersebut, ditampilkan juga tarian Ngajat, Datun Julud, Mengiluk dan Menggigol.



## KEDATANGAN ARAB

**SAUDAGAR-SAUDAGAR** Arab yang datang berdagang begitu tertarik dengan keamanan dan keindahan Tanah Semenanjung. Lalu, ramailah di antara mereka yang mengambil keputusan untuk menetap dan berkeluarga di sini. Mereka tidak sekadar membawa barang dagangan malahan turut membawa ajaran dan kebudayaan Islam. Kebudayaan Timur Tengah ini turut meresap ke dalam masyarakat Melayu. Kini, ia menjadi sebahagian kehidupan dan kebudayaan yang terpenting di dalam kesenian Melayu. Daripada resapan budaya itu maka lahirlah tarian Zapin dan Samrah.

## KEDATANGAN INDIA


**SEBAGAIMANA** dengan kedatangan saudagar-saudagar Arab, kedatangan saudagar-saudagar India juga sama. Akhirnya, mereka jatuh hati dengan keramahan penduduk dan keindahan bumi Tanah Semenanjung ini. Bertitik tolak dari itu, ada di kalangan mereka yang ingin terus menetap di bumi bertuah ini. Penggaulan mereka dengan penduduk asal, telah melahirkan perbauran budaya kehidupan yang amat menarik.

## KEDATANGAN CINA

**PERHUBUNGAN** diplomatik antara Kerajaan Melayu Melaka dengan Negara China telah terjalin sejak abad ke-15 lagi. Hubungan ini diperkukuhkan lagi melalui perkahwinan di antara Sultan Melaka dengan Puteri China, Hang Li Po yang sekaligus mewujudkan kebudayaan Melayu yang bergabung dengan kebudayaan Cina.

## RENTAK KEHIDUPAN

**KEHARMONIAN** dan kemeriahan akan hidup di mana-mana sekalipun, asalkan semua kaum yang hidup di dalam sesebuah negara itu mengambil sikap untuk saling faham memahami di antara satu sama lain. Segmen ini akan menggambarkan kehidupan masyarakat desa yang hidup mencari rezeki dari alam semulajadi. Bermula dari Subuh yang hening hingga ke malam hari, hidup tidak pernah sunyi dengan pelbagai aktiviti. Sikap tolong menolong dan saling bantu membantu digambarkan melalui aktiviti mengusung rumah secara beramai-ramai. Bertunjangan kepada sikap tersebut juga tarian Joget, Inang dan Dikir Barat turut dipersembahkan dan merupakan sebahagian dari kesenian yang lahir dari pengamatan yang teliti dari kaca mata mereka.



## Kumpulan Kesenian Istana Budaya

**Kumpulan** Kesenian Istana Budaya mempunyai keanggotaan seramai 87 orang penari yang turut dikenali sebagai Artis Budaya dan 25 orang pemuzik tradisional. Berdasarkan jumlah keahlian tersebut, Kumpulan Kesenian Istana Budaya sebenarnya telah membuktikan kemampuannya untuk menjadi satu unit tenaga kreatif dan mampu menghasilkan produk persembahan yang bermutu.

Sebelum dikenali sebagai Kumpulan Kesenian Istana Budaya, kumpulan ini dikenali sebagai Kumpulan Budaya Negara dan dianggotai oleh lebih kurang 20 orang ahli sahaja. Tahun demi tahun, kumpulan ini semakin berkembang dan mendapat kepercayaan dan keyakinan dari banyak pihak. Kini, Kumpulan Kesenian Istana Budaya telah menjadi sebuah kumpulan kesenian yang terbesar di Malaysia.

Pada hari ini Kumpulan Kesenian Istana Budaya mempunyai seramai enam orang koreografer yang berpengalaman lagi kreatif yang mampu bertindak sebagai Pengarah Tari, iaitu Mohd Shahril Akla, Abu Bakar Sulaiman, Azman Abu Bakar, Hasnol Hassan, Zainal Abidin Bujang dan Mahmood Ibrahim. Para pemuzik tradisional Kumpulan Kesenian Istana Budaya turut berkebolehan menggubah dan mencipta lagu untuk sesebuah produksi. Gabungan kedua-dua kumpulan tenaga kreatif ini mampu mempersembahkan pelbagai genre tari seperti Tarian Istana, Tarian Rakyat, Tarian Pelbagai Kaum, Tarian Etnik dan sebagainya. Selain itu, Kumpulan Kesenian Istana Budaya turut berkebolehan untuk muncul di pentas persembahan teater tradisional seperti Makyung, Wayang Kulit, Dikir Barat dan Randai.

Artis budaya kumpulan ini tidak sekadar menjadi penari sahaja malah mereka turut berkemampuan mementaskan dramatarik kontemporari, teater dan teater muzika. Kejayaan dalam pementasan teater ANAK TANJUNG, teater CINDAI, teater RUBIAH, teater epik TUN PERAK dan bangsawan SITI ZUBAIDAH membuktikan kemampuan kumpulan ini.

Kumpulan Kesenian Istana Budaya sering mengadakan persembahan kesenian di luar negeri di dalam mengisi program kesenian dan promosi pelancongan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Antaranya ialah Festival Kesenian seperti ASEAN DANCE FESTIVAL I, II dan III, FESTIVAL RAMAYANA di Kemboja dan sebagainya. Sehingga kini, kumpulan ini telah



## Artis Muda Istana Budaya

*Mempunyai* kumpulan pelapis yang diilhamkan bagi mengisi program-program di Istana Budaya. Kumpulan ini terdiri daripada kanak-kanak dan remaja yang berusia 6 tahun hingga 17 tahun.



Artis Muda Istana Budaya ditubuhkan pada tahun 1998 setelah melihat potensi kanak-kanak dan remaja yang menyertai Kumpulan Tunas Budaya di peringkat negeri yang mempunyai kredibiliti untuk dikembangkan bakatnya. Mereka akan diuji bakat terlebih dahulu sebelum dipilih untuk menjayakan program pementasan di Istana Budaya.

Sehingga hari ini Artis Muda Istana Budaya banyak menjayakan pementasan teater, antaranya muzika tari WHEN RIVERS MEET, teater kanak-kanak SITI DI ALAM FANTASI, teater RUBIAH dan teater epik TUN PERAK.

## Sejarah Kumpulan Kesenian Istana Budaya

*Sagasan* idea untuk membentuk sebuah kumpulan kesenian bukanlah sekadar untuk menjadi penyeri pada majlis-majlis rasmi tetapi ia bertitik tolak daripada kesedaran tentang pentingnya seni budaya sebagai agen integrasi dan diplomasi. Di awal tahun-tahun 1960-an tidak wujud sebarang kumpulan kesenian yang bergerak secara profesional dan bersistem dari segi pengurusan, pembiayaan kemudahan dan gaji atau dengan kata lain tidak ada sebuah kumpulan kesenian yang dikelolakan sepenuhnya oleh kerajaan. Kumpulan yang wujud pada masa itu adalah merupakan kumpulan kesenian yang bergerak secara persendirian.

Pada Jun 1966, satu jawatankuasa telah diwujudkan bagi percambahan fikiran dan idea untuk menubuhkan sebuah kumpulan kesenian tetap. Di peringkat awalnya, jemputan telah dihantar kepada kumpulan tarian di setiap negeri bagi mencari penari yang terbaik untuk digabungkan menjadi sebuah kumpulan kesenian di bawah kelolaan kerajaan. Kumpulan perintis ini akan diberikan saguhati dan kemudahan-kemudahan lain termasuk program latihan tari.

Bermula pada bulan Disember 1966, beberapa orang penari telah dipilih untuk berkhidmat secara sambilan dibawah kendalian Unit Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada waktu ini, tumpuan persembahan adalah lebih kepada pengisian majlis-majlis rasmi kerajaan. Di awal usia penubuhannya, kumpulan kesenian ini berpusat di sebuah banglo di Jalan Ampang (kini merupakan tapak Hotel Nikko) dengan gaji yang diterima oleh para penari adalah sebanyak RM165.00 sebulan.

Di akhir Disember 1966, Kumpulan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semakin aktif mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi. Peranannya semakin bertambah lalu namanya telah ditukar menjadi Kumpulan Seni Negara (KSN). Beberapa tenaga pengajar telah dilantik untuk melaksanakan beberapa program termasuk program Tarian Istana dan Tarian Rakyat. Nama-nama seperti Ismail Bakti, Tharuwat Bakti, Mohd Ali Ishak, Daud Omar dan (Dato') Kaharudin Mokmin (sekadar menyebut nama) merupakan tenaga penggerak utama yang menjadi penggerak kepada aktiviti Kumpulan Seni Negara pada waktu itu.

Tahun 1967 memperlihatkan satu perkembangan positif, apabila mendapat pengiktirafan secara tidak langsung sebagai salah satu daripada nadi kerajaan yang penting. Penari yang dilantik diberikan gaji tetap sebanyak RM250.00 sebulan. Bermula saat inilah, penari di bawah Kumpulan Seni Negara semakin dikenali dan dihormati sebagai agen seni budaya. Maka lahirlah nama-nama popular seperti Hail Amir, Uji Rashid, Sukarni Jaafar, Wan Maimunah dan Zulkifli Zain (sekadar menyebut nama) menjadi penyeri dunia hiburan tanah air. Pada masa itu, dasar Kumpulan Seni Negara adalah mengekalkan kesenian tradisional tetapi tidak menolak sebarang unsur moden yang sesuai. Walau bagaimanapun usaha-usaha menggabungkan unsur-unsur tarian Melayu, Cina dan India turut dititikberatkan.

Tahun 1972, Kumpulan Seni Negara telah ditukar nama menjadi Kumpulan Budaya Negara yang diwujudkan di bawah unit Bimbingan Seni di Bahagian Kebudayaan yang beribu pejabat di Wisma Keramat, Kuala Lumpur. Peranan Kumpulan Budaya Negara adalah sama seperti Kumpulan Seni



Pada tahun 1973, pusat latihan Kumpulan Budaya Negara di Jalan Ampang telah berpindah ke sebuah tapak istana lama di Jalan Tun Ismail sekaligus dikenali sebagai Kompleks Budaya Negara. Peranan Kumpulan Budaya Negara semakin bertambah pada tahun 1974 setelah ia digerakkan secara profesional di bawah unit Pembangunan Kesenian. Bermula pada tahun tersebut jumlah penari ditambah dari setahun ke setahun, memandangkan tuntutan tugas yang semakin meningkat apalagi dengan adanya program kunjungan kebudayaan di seluruh negara seperti program FESTIVAL TARI NEGARA ASEAN, MUSTIKA MALAYSIA, persembahan khas untuk angkatan tentera di seluruh negara dan beberapa program promosi pelancongan di bawah anjuran TDC (sekarang Tourism Malaysia) seperti ITB Berlin, WTM London, ekspo perdagangan dan sebagainya.

Apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan diwujudkan pada tahun 1987, misi Kumpulan Budaya Negara semakin bertambah. Ia banyak menumpukan kepada program-program pembangunan kebudayaan. Setelah bergabung dengan Pelancongan maka misi pelancongan turut sama menjadi agenda penting Kumpulan Budaya Negara. Beberapa persembahan telah dirombak bagi disesuaikan dengan keperluan pelancongan. Berdasarkan pada perubahan itu, promosi kebudayaan telah dijayakan oleh Kumpulan Budaya Negara hingga ke seluruh pelusuk dunia.

*Sekali air bah sekali pantai berubah*, begitulah kata yang sesuai dengan perubahan Kompleks Budaya Negara dengan peredaran masa. Tahun 1994, Kompleks Budaya Negara telah dinaikkan tarafnya menjadi Panggung Negara iaitu sebuah institusi yang mengendalikan persembahan dengan misi kecemerlangan seni. Bermula detik inilah nama jawatan Penari telah ditukar kepada jawatan Artis Budaya sebagai menyesuaikan peranan mereka yang bukan lagi sebagai penari malahan sebagai penyanyi dan pelakon teater. Bermula pada 10 April 2000, Kumpulan Budaya Negara telah mula beroperasi secara menyeluruh di Istana Budaya yang lokasinya terletak di Jalan Tun Razak.

Kini, berkuatkuasa pada 3 Mei 2000, sejajar dengan keputusan Kabinet, Panggung Negara telah ditukarkan namanya secara rasmi kepada Istana Budaya. Sekaligus, Kumpulan Budaya Negara turut ditukar namanya kepada Kumpulan Kesenian Istana Budaya (KKIB). Kumpulan Kesenian Istana Budaya kini mempunyai seramai 87 orang artis yang bergaji tetap dan dilantik secara kontrak manakala pemuzik tradisional seramai 25 orang yang berkhidmat secara tetap dan kontrak.

Istana Budaya menawarkan jawatan Artis Budaya untuk semua remaja warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas yang mempunyai kecenderungan serta minat yang mendalam untuk mempelajari serta memperkembangkan bakat seni ke peringkat yang lebih tinggi dan menyahut cabaran kesenian di alaf baru.



## *Di antara Persembahan Perdana yang telah dijayakan sejak tahun 1990*

**2000**

Persidangan Bank-bank Sedunia  
Persidangan Hutan Sedunia  
Perasmian PESTA AIR 2000  
Penutup PESTA AIR 2000  
Citrawarna 2000



**1999**

World Road Congress  
Formula One  
Citrawarna

**1998**

Perasmian Sukan Komanwel ke 16 di Kuala Lumpur  
Penutup Sukan Komanwel ke 16 di Kuala Lumpur  
Mesyuarat Menteri Belia Komanwel  
Asia Pacific Economic Committee (APEC)  
Malaysia Fest

**1997**

Persidangan Kumpulan G-15 pada tahun 1997  
Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN - 1997  
Malaysia Fest



**1996**

Malaysia Fest

**1995**

Malaysia Fest

**1994**

Persidangan CHOGM  
Penyerahan Bendera Sukan Komanwel di Vancouver, Canada  
ASEAN Dance Festival  
Malaysia Fest

## Temple of Fine Arts Malaysia

**TEMPLE OF FINE ARTS MALAYSIA** telah ditubuhkan pada tahun 1981, juga dikenali sebagai Perbadanan Kesenian Malaysia. Reputasi Temple of Fine Arts Malaysia amat terkenal sebagai satu kumpulan kesenian yang mantap dengan persembahan tarian klasik di Malaysia. Objektif penubuhannya ialah untuk meningkatkan kesedaran dan menghargai kesenian klasik.

Temple of Fine Arts Malaysia diasaskan oleh Swami Shantanand dan bertindak sebagai sumber budaya, tradisi dan seni. Ia berkembang pesat di bawah dua pasangan Pengarah Kreatif iaitu Master Gopal Shetty dan isterinya, Rahda dan Master Sivadas dan isterinya, Vatsala. Temple of Fine Arts Malaysia berjaya menarik ramai guru dalam bidang tari untuk bernaung di bawahnya. Manakala jumlah pelajarnya turut meningkat dari semasa ke semasa.

Kini, Temple of Fine Arts Malaysia muncul sebagai sebuah pusat yang mempertahankan tarian klasik. Penari-penarinya dilatih dalam Bharata Natyam, Odissi, Kathak, Manipuri, Mohini Attam, Kathakali, Kuchipudi dan lain-lain.

Menyedari kesenian di bidang tari adalah untuk semua, apalagi dengan situasi di Malaysia yang mempunyai penduduk dari pelbagai kaum, Temple of Fine Arts Malaysia turut juga melatih penari-penarinya dengan tarian Melayu, Cina, ballet dan tarian yang berbentuk kontemporari.

Menyedari seni itu adalah satu keindahan dan keindahan itu berhak dilahir dan dinikmati oleh semua orang, Temple of Fine Arts Malaysia mengorak langkah dengan membuka cawangannya di negeri Pulau Pinang, Johor Bharu, Melaka, Singapura termasuk di luar negara iaitu Perth dan Madras. Di antara produksi yang pernah diterbitkan ialah TAJ MAHAL, SWAN LAKE, LEGEND OF



## RiverGrass Dance Theatre Company

*Diasaskan* oleh Mew Chang Tsing pada Disember 1996. RiverGrass Dance Theatre Company adalah kumpulan tari yang memiliki keupayaan dan berprogresif untuk membina diri sebagai satu kumpulan yang beridentitikan Malaysia, dengan hasrat memastikan generasi akan datang mengenali identiti mereka sendiri.

Artis-artis RiverGrass ditekankan agar bertekad untuk mencurahkan ilmu serta kemahiran yang terbaik sekaligus akan memperincikan hasrat negara kita. Sebagaimana dengan namanya RiverGrass turut mencungkil ke akar budaya demi mengangkat kesenian Asia ke mata dunia. Repertoire yang dipengaruhi dengan falsafah dan cara ketimuran dipegang kuat oleh RiverGrass. RiverGrass berpandangan bahawa masa depan tari yang dicipta akan kembali kepada elemen-elemen asas budaya, sama ada dari kaum Melayu, Cina, India, Pribumi atau Barat.

Pada tahun 1998, Akademi Tari RiverGrass ditubuhkan. Ia sebagai satu institusi alternatif yang menawarkan pengajian dalam bidang tari kontemporari, Cina, tarian Kreatif Kanak-kanak dan *relaxation classes* berdasarkan teknik Alexander.

Sehingga kini, pelbagai produksi diterbitkan oleh RiverGrass, dari persembahan secara solo sehingga kepada produksi *full scale multidisciplinary* untuk pelbagai khalayak di peringkat



# “Antara Selat ke Benua”

Pengarah Tari **MAHMOOD HAJI IBRAHIM**

Muzik **SUHAIMI MOHD ZAIN**

Penampilan Istimewa **SITI NURHALIZA**

Penyanyi Jemputan **NURFATIMAH**

## KUMPULAN KESENIAN ISTANA BUDAYA

ABDUL MALEK OSMAN • ABDUL MUTALIF ABU BAKAR  
AHMAD JAMRI JAMALUDDIN • HANIZA CHEE KAR • JUMANINOR HANAFFI  
KASMAHWALI @ KAMAHWATI ABD. GANI • NORHASLINDA ABD. MANAF  
NORSIAH MOHD. YATIM • NUR RAZIDAH ABD. AZIZ • NORHASHIMAH LEMAN  
NORAIDA RAZAAI • RAMLI LANI • ROSLIZA RAZALI • RUDY DE LUNA JR  
SHAMSUL BAHARI MOHAMED • SHARIFAH RAHA SYED MUSTAFFA  
SYAIRA DALINA ABDULLAH • WAN AZMAN WAN AHMAD • ZULKIFLY BAHROM  
ADYANI KHOLID • AESAR MUSTAFA • LEONARD A/K GIRIM  
MOHAMED RODZI SHAARI • NORAZIMAH MOHAMED HAZIME • NG JEANIE  
PRIYA A/P MATHIBALAN • RAFIDAH MUSTAPAH • ROHAINI LEE SIMPAN  
ROSHASNI ZAIMA SENIK • RUZAINA MAT NASIR • SAIFFUL HIRMAN MD. SOFIAN  
SARAH YUSOF • SITI MARDIANA ABDULLAH • TERRENCE PHIONG  
ZAMIL JAAFAR • ZIHA CHE MAT • CHEONG KWONG KUEN  
SHANUR AIN AHMAD SHAH • WONG LEE YIEN  
SAKHIYAH ISHAK • ROSLI ALI • ABDUL HARIS HAJI ABDUL HALIM  
MOHD NORDIN ABD. LATIP • RIDZUAN MOHD AMIN • JAZURIN OTHMAN  
JEFRI MOKHTAR • ZURAI DAH MOHD FADZIL • MEGAT AMRAN SALIM  
JAINAB MOHD EDRIS • ALIHAN MAT SAP • SUHAIMI HJ. ISMAIL  
HANUR AHMAD SHAH • MUHAMMAD ADZAHAR ALI

## RIVERGRASS DANCE THEATRE

MEW CHANG TSING • CHOY HIM HEONG  
LEN SIEW MEE • TEO LAY PENG • CHENG YEE RU • HO YUN LIEN  
WONG YEN CHIEW • JACK KEK SIOU KEE • CHUA MENG WOO • KIA KUAN NAM  
CHEONG KWONG KUEN • TUAN KING TOOK • KENY LAM KIM YEW • STANLEY WONG  
JOSEPHINE CHEONG MEW LING • JENYU ONG • TEH DEW KHING

## TEMPLE OF FINE ARTS MALAYSIA

ABDULLAH ABDUL HAMID • SHANKAR KANDASAMY • UMESH SHETTY  
JOTSNA NITHYANANDAN • SHRI VIDHYA NAGENDRAM • DHANYA THURAIRAJAH  
KAMELESH • SAHADEVAN MUNUSAMY • RAMESH NADARAJAN • KANTHAN SEGERAN  
ANANDAVALI GOPINATH • ASHWINI JAYABALAN • SHYAMALA • MATHAN RAJASINGAM  
YAGARAJAN • KUMARESWARAN • KAVITHA S • JACLEEN • SARALA

# Kerabat Produksi

<b>Penasihat</b>	DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABD. MAJID
<b>Penerbit</b>	NORLIZA ROFLI
<b>Pengurus Produksi</b>	MOHAMAD JUHARI SHAARANI
<b>Penolong Pengurus Produksi</b>	MOHD KAMARULZAMAN TAIB • MOHAMAD SYUKOR IBRAHIM
<b>Pengurus Kewangan</b>	AZHAR ABU BAKAR • HJ. KAMARUZZAMAN MOHD NOOR
<b>Pengurus Pemasaran</b>	RIDZUAN ABD SALAM • NORIZAH ARSHAD
<b>Pengurus Penerbitan</b>	NORIZAH ARSHAD
<b>Pereka Grafik</b>	ZULKIFLI MAT JALI
<b>Penulis Teks</b>	MOHD KAMARULZAMAN TAIB • W. ZALINA RAJALI
<b>Pengarah Tari</b>	MAHMOOD HAJI IBRAHIM
<b>Pengurus Panggung</b>	MOHD HUSRI MORNI
<b>Pengurus Jualan Tiket</b>	AZILI GEMBOR • ROSLEE AHMAD
<b>Pengurus Teknikal</b>	RAMLAH AMIR • ZULKIFLI ABD RASHID
<b>Pereka Set dan Props</b>	BADRUL ZAMAN ABDUL JALIL
<b>Pereka Kostum</b>	MAIMUNAH TIK
<b>Pameran</b>	JASREIN JAAFAR
<b>Pengurus Kostum</b>	JAILANI RAZAK
<b>Pengurus Tatarias</b>	ZAMAWANI SHAARI • YUSNAZUWA YUNUS
<b>Kebajikan</b>	IDRIS SHAARI • ROSLEE AHMAD • ABDUL GHANI NORDIN ZAINOL SULAIMAN • ZAINUDIN AHMADDIN
<b>Penyambut Tetamu</b>	MOHD HUSRI MORNI • UMMI KALSOM MAT RAJA RODZIAH RAJA OSMAN • NOR ASMA HASHIM KHATIJAH @ JULIE JOHARI • ROHANI KHAMIS • MAZHARIAH MANSUR RADZIAH ABU BAKAR • ABDUL AZIZ IDRIS • W. ZALINA RAJALI ZAINAH HAMIJAN • HANIM MOHAMAD • FADZLI MOHD YUSOF NORZIAH MAJID & AZMI ZAIN • AHMAD YEOP • ALIZAH ALIAS HANITA HASSAN • OTHMAN AHMAD • RAHAZA NASIR SANIMAH IBRAHIM • THALATHIAH AWANG • HASHINAH ABDUL KARIM RAHIMAH KADRI • WAN ZUN WAN JUSOH • NORMAH SHAARI NORIZA HARUN • WAN EMILIATI • RODZIAH BASRI WAN ROHANI IBRAHIM • FARIDAH YAHYA
<b>Jemputan</b>	NORIZAH ARSHAD • RIDZUAN ABDUL SALAM AZILI GEMBOR • ABDUL AZIZ IDRIS • KHATIJAH @ JULIE JOHARI MARINA MARY CHARLES • ROSLEE AHMAD ROSZILAWATI ABDUL RAHIM • ROZIHANI MOHAMAD
<b>Jualan Tiket</b>	AZILI GEMBOR • ROSLEE AHMAD • KHATIJAH @ JULIE JOHARI MARINA MARY CHARLES • ROSZILAWATI ABDUL RAHIM

## Penghargaan

Kementerian Kewangan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Polis Di Raja Malaysia  
Hospital Kuala Lumpur  
Temple of Fine Arts Malaysia  
RiverGrass Dance Theatre Company  
Media Elektronik  
Media Cetak

### ISTANA BUDAYA

merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak, organisasi swasta dan awam serta orang perseorangan yang telah membantu menjayakan

*"Antara Selat ke Benua"*

*Terima kasih*

## Produksi Akan Datang

Ogos 15 - 16

### KERANAMU MALAYSIA

Orkestra Simfoni Kebangsaan di bawah pimpinan Prof. Kerry Woodward dari Wales dan Solois Jemputan (Flute) Euginia Glotova dari Uzbekistan. Mempersembahkan lagu-lagu patriotik antaranya BAHTERA MERDEKA, Overture CHENDERING, TUNGGU SEKEJAP (world premiere), PUTUS SUDAH KASIH SAYANG (world premiere), JAUH-JAUH (world premiere), SENJA DI KUALA LUMPUR (world premiere) dan GADIS IDAMAN (world premiere)

Ogos 25 - September 3

23250

Sebuah teater muzika yang mengisahkan semangat perjuangan dan patriotik anggota polis di Bukit Kepong yang tinggi, demi mempertahankan maruah dan tanah air dari dijajah oleh komunis. Peristiwa bersejarah ini berlaku pada 23 Februari 1950.

September 14 - 24

### PUTERIKU PUTERIMU

Sebuah teater komedi yang mengisahkan kecintaan dan kesetiaan kepada budaya dan seni tanah air.

September 27 - 30

### FESTIVAL TARI KEBANGSAAN 2000

Festival kesenian khususnya genre tari yang disertai oleh kumpulan kesenian dari seluruh Malaysia dimana setiap negeri akan diwakili oleh sebuah kumpulan terbaik. Festival ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan.

Oktober 2 - 8

### TARI 2000

Program tari peringkat antarabangsa yang diadakan secara dwi-tahunan yang melibatkan pembabitan kumpulan-kumpulan tradisional, moden dan kontemporari dari dalam dan luar negeri.

Oktober 10 -11

### OKINAWA DANCE

Sebuah persembahan kesenian dari negara Jepun yang diadakan bersempena dengan Japan Malaysia Festival 2000.

Oktober 14 - 15

### CARMINA BURANA

Konsert gabungan Koir Kebangsaan dan Orkestra Simfoni Kebangsaan dibawah pimpinan Konduktor Jemputan, Roland Peelman yang diundang dari Australia.

Oktober 27 - 29

### GISELLE AND NUTRACKER

Persembahan ballet dari Kumpulan Bolshoi Ballet Tashkent yang diiringi oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan dibawah pimpinan Konduktor Jemputan dari Uzbekistan, Dilba.

November 2

### PUSAN PHILHARMONIC ORCHESTRA

Sebuah konsert oleh Pusan Philharmonic Orchestra.

November 17 - 26

### SITI DI ALAM FANTASI

Sebuah teater kanak-kanak yang mengisahkan pengembaraan yang penuh dengan keajaiban dan fantasi dalam mencari jati diri.



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Box-Office

Tel: 03 - 4025 5932 / 4025 5934 Fax: 03-4025 5975



*Autograf*

---

